



PROJEK ECRL PERLU DITERUSKAN

"Tentu sekali memang ada senarainya. Tetapi bila ia tidak disebut, maka seolah-olah projek di Terengganu dan Kelantan tidak signifikan untuk disebut." Ujarnya.

MS 2

Sultan

NEGERI

MS 3

'BAS KITE' BEROPERASI PERCUMA DI KEMAMAN

SUKAN

MS 7

2018, REKOD GEMILANG SKUAD BOLA SEPAK TERENGGANU

PROJEK ECRL PERLU DITERUSKAN



Haji Ahmad Amzad (kanan) ketika menyeberangi titian kayu untuk menziarahi beberapa orang pesakit di Kampung Wakaf Mempelam Kuala Terengganu.

KUALA TERENGGANU- Kerajaan Pusat tidak perlu terburu-buru membatalkan Projek Laluan Rel Keretapi Pantai Timur (ECRL) sebaliknya ia perlu diteruskan untuk kepentingan rakyat.

Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Haji Ahmad Amzad Hashim berkata, projek berimpak tinggi seperti ECRL yang mempunyai kesan jangka panjang untuk pembangunan wilayah timur itu, perlu dicari jalan penerusan, jangan terburu-buru dibatalkan.

Beliau berkata demikian di status facebooknya, meminta kerajaan menangguhkan pembatalan projek tersebut supaya kajian semula dibuat untuk membolehkan ia diteruskan di masa akan datang.

Sementara itu beliau sangat kecewa dengan pembentangan belajawan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) kerana kebanyakan ulasan yang menyebut nama wilayah adalah berkenaan projek-projek di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perak, Sabah Sarawak.

“Jika dibandingkan dengan pembentangan bajet tahun lalu, ada projek di Terengganu atau Kelantan diumumkan, tahun ini macam tiada apa-apa.

“Tentu sekali memang ada senarainya. Tetapi bila ia tidak disebut, maka seolah-olah projek di Terengganu

dan Kelantan tidak signifikan untuk disebut,” ujarnya.

Kerana itu, katanya, pembentangan belajawan tersebut disifatkan sebagai gagal mempamerkan iltizam kerajaan dalam menghayati retorik “Pembangunan Wilayah Yang Seimbang” sebagaimana termaktub dalam manifesto PH dan juga dalam ucapan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke 11 (RMK-11) oleh Perdana Menteri (PM), Tun Dr Mahathir Mohamad baru baru ini.

“Bagaimanapun, saya alu-alukan peruntukan besar sehingga RM60 bilion bagi sektor pendidikan yang menjadi penentu pembentukan warga yang berkualiti dan berdaya saing.

Ketika mengulas mengenai pembentangan Belajawan 2019 oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng itu, beliau menyifatkan ia belajawan yang bersejarah kerana ia merupakan belajawan kali pertama sejak merdeka dari parti yang tidak bertunjangkan UMNO.


“Sejak merdeka, parti yang memerintah adalah Parti Perikatan yang kemudiannya dijenamakan kepada Barisan Nasional (BN),” ujarnya.

Katanya, sudah agak lama ia tidak dibentangkan oleh Menteri Kewangan sebagaimana sekarang.

“Tanya sejak krisis antara Tun Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang membawa pemecatan Anwar Ibrahim yang ketika itu dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan.

“Sebelum ini, jawatan Menteri Kewangan dipegang oleh Perdana Menteri sendiri. Maka, sebelum ini rakyat melihat pembentangan belajawan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan.

“Lebih menarik lagi sudah agak lama Menteri Kewangan dipegang oleh orang Melayu, ini kali pertama kaum Cina mendapat peluang memegang Menteri Kewangan setelah kali terakhir oleh Mendiang Tan Siew Sin dari MCA antara tahun 1958 hingga 1974,” ulasnya lagi.



Lakaran laluan Projek ECRL

'BAS KITE' BEROPERASI PERCUMA DI KEMAMAN

KEMAMAN - Kerajaan Terengganu melancarkan 'Bas Kite' secara percuma 4 November lalu untuk kemudahan penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Chukai dan Air Putih sebelum dikembangkan ke kawasan lain sekiranya ada keperluan.

Pelancaran bas henti-henti tersebut adalah yang pertama di daerah



Haji Hanafiah (kanan) menaiki 'Bas Kite' sempena pelancarannya di Chukai, Kemaman. Foto - Abdul Hafiz Ghazali

DUN berkenaan, ketika rakyat menghadapi masalah kemelesetan ekonomi.

Serentak itu beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada

beroperasi 5 November, sejauh kira-kira 20 kilometer untuk satu pusingan bermula dari Bandar Chukai, Kampung Paya Berenjut, Kampung Binjai dan kembali ke bandar Chukai.

Dijangka bas tersebut beroperasi sebanyak lima hingga tujuh 'trip' sehari bermula jam 8.00 pagi hingga 7.00 malam.

Bas dari Syarikat Cas Ligas Sdn Bhd yang berkapasiti muatan 40 orang penumpang itu dijangka menelan belanja sebanyak RM260,000 setahun atau RM21,000 sebulan dibayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri.

Jumlah perbelanjaan itu adalah untuk gaji pemandu, minyak, penyelenggaraan dan lain-lain.

Haji Hanafiah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chukai berkata, hanya sebuah bas sahaja akan beroperasi pada laluan tersebut dan akan diperluaskan ke DUN lain berdasarkan kepada keperluan.

"Bas ini menelan belanja hampir RM260,000 setahun atau lebih RM21,000 sebulan. "ianya akan dibayar oleh kerajaan negeri kepada Syarikat Cas Ligas Sdn Bhd," ujarnya.



Haji Hanafiah (baju batik, tengah) memotong reben untuk gimik pelancaran 'Bas Kite' di Chukai Kemaman.

Kemaman selepas kerajaan PAS mengambil alih pemerintahan negeri Terengganu.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional Negeri, Haji Hanafiah Mat berkata, dengan adanya bas tersebut, ia dapat menyelesaikan masalah pengangkutan di kedua-dua

Menteri Besar Dr Ahmad Samsuri Mokhtar kerana bersedia memberi perkhidmatan bas percuma di kedua-dua DUN tersebut.

Beliau berkata demikian ketika bercakap kepada media selepas merasmikan pelancaran Bas Kite di Perkarangan Lembaga Tabung Haji di sini.

Difahamkan bas berkenaan mula

DR SAM SERTAI LATIHAN MENEMBAK



SETIU - Menteri Besar, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar mengadakan latihan menembak di Lapangan Sasar Bukit Bidong di sini dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) Terengganu.

Dr Ahmad Samsuri yang menggunakan pistol semi automatik Walther P99 menyertai ujian 'Falling Plate' berpasukan bersama Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Haji Yahaya Ali, ACP Fazlisyam Abd Majid dan Supritendan Mohd Faudzi Abd Rahman. Pasukan beliau mengungguli tempat pertama dalam acara tersebut.

Hadir sama dalam program selama tiga jam tersebut, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' A Rahman Yahya, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Dakwah dan Penerangan Negeri, Ustaz Mohd Nor Hamzah, exco-exco kerajaan negeri, Ketua Polis Terengganu, DCP Datuk Aidi Ismail, ketua-ketua polis daerah dan kira-kira 100 anggota IPK.

Sementara itu, Dr Ahmad Samsuri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rhu Rendang menyambut baik aktiviti yang dianjurkan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu yang memberi ruang membina hubungan antara kerajaan negeri bersama PDRM.

"Hubungan yang baik antara kedua-dua pihak membantu menyelesaikan banyak perkara yang menjadi kepentingan rakyat dan mengekalkan kesejahteraan dalam negeri.

"Kita berharap akan ada lebih banyak aktiviti antara kerajaan negeri dan PDRM sama ada berbentuk kebajikan atau sebagainya bagi mengeratkan hubungan ini," katanya ketika berucap dalam program Latihan Kemahiran Menembak Pegawai Tertinggi Kerajaan Negeri Terengganu bersama PDRM di Lapangan Sasar Bukit Bidong, Setiu, baru-baru ini.

Beliau hadir bersama isteri, Tuan Faizah Tuan Abd Rahman yang turut menyertai ujian menembak yang diadakan.



Dr Ahmad Samsuri bermesra dengan anggota PDRM.



Dato' A Rahman menetapkan target dalam latihan menggunakan senjata api di Bukit Bidong Setiu baru-baru ini.



Haji Yahaya turut berlatih menggunakan senjata api.



Ustaz Mohd Nor (tengah) mendengar taklimat cara menggunakan senjata api dari seorang anggota PDRM.



Dr Ahmad Samsuri menunjukkan target tepat dalam latihan menembak di Lapangan Sasar Bukit Bidong, Setiu baru-baru ini.

SILIKA TERENGGANU CECAH 500,000 TAN METRIK

SETIU - Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Pentadbiran Negeri, Dato' Tengku Hassan Tengku Omar berkata Terengganu telah berjaya mengeluarkan kira-kira 500,000 tan metrik pasir silika sejak industri itu dibuka di Bari mulai tahun 2017.

Katanya, sejak pembukaan kilang pemprosesan pasir silika di Bari, industri pengeluaran bahan galian itu di Terengganu sehingga kini telah mencecah 500,000 tan metrik.

Menurut beliau lebih RM275 juta telah dilaburkan Kumpulan Terengganu Silica Consortium Sdn. Bhd. (TSC) bagi pembangunan projek berkenaan sepanjang tempoh tersebut.

“Silika di sini diproses kepada beberapa gred yang diperlukan oleh industri untuk eksport luar negara, antaranya ke Jepun, Korea dan Taiwan. Ianya memerlukan pelaburan yang tinggi dan saya difahamkan TSC telah melabur lebih kurang RM275 juta.

“Selain itu, bermula tahun depan kita juga berhasrat memperluaskan lagi industri ini dengan penglibatan

masyarakat kampung menerusi penghasilan produk cenderamata berasaskan silika,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada

Islam (TTI) sebagai salah satu tarikan pelancongan terbaharu di Terengganu.

Sementara itu, katanya, kerajaan



Datuk Tengku Hassan (tengah) ketika melawat TSC di Bari, Setiu baru-baru ini.

pemberita selepas melawat TSC di Bari, Setiu baru-baru ini. Turut hadir, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Pentadbiran Negeri, Muhammad Khalil Abdul Hadi dan Ketua Pegawai Eksekutif TSC, N.Surendran.

Katanya, produk cenderamata berkenaan akan dipamerkan dan dijual di Taman Tamadun

negeri juga akan meminta pihak syarikat supaya menimbus balik 40 peratus daripada lombong dengan sisa silika di samping sebahagiannya akan dijadikan kolam ikan dalam usaha mengelakkan berlakunya pembaziran.

Katanya, kerajaan negeri juga telah bersetuju untuk membangunkan satu kawasan seluas 4,000 hektar di Jambu Bongkok, Marang yang dikenali dengan Lembah Silika Terengganu iaitu kawasan perindustrian bersepadu dan tempat pemprosesan produk-produk akhir yang berasaskan silika.

“Ianya akan membuka peluang pekerjaan kepada anak Terengganu dan sekali gus dapat merealisasikan usaha kerajaan menunaikan manifesto iaitu menyediakan 20,000 peluang pekerjaan dalam masa empat tahun,” ujarnya.



Dato' Tengku Hassan (dua dari kiri) melihat produk yang dihasilkan dari silika di Bari Setiu.

Layari portal TEGANU KITA untuk berita terkini

<https://www.teganukita.net/>

teganukita
TEKINI | CEPAT | CEPAT

2018, REKOD GEMILANG SKUAD BOLA SEPAK TERENGGANU

Prestasi terbaik pencapaian bola sepak Terengganu dalam perebutan beberapa piala berprestij di negara ini sepanjang 2018 ini seakan memberi gambaran sebenar tahap kemampuan pengurusan sukan itu di peringkat negeri dan juga Negara.

Baru sahaja berlalu, perebutan Piala Malaysia 2018 yang menyaksikan Terengganu muncul naib johan piala paling epik negara bagi edisi ke-92 di Stadium Shah Alam, Selangor pada 27 Oktober lalu.

Terengganu Football Club (TFC) I yang dibimbing ketua jurulatih Irfan Bakti Abu Salim tunduk kepada Perak yang mendahului 4-1 menerusi tendangan penalti, selepas terikat seri 3-3 pada masa tambahan dalam persaingan dramatik serta terus menjadi perbualan netizen sehingga kini.

Sukan yang mempunyai pengaruh tersendiri dan berjaya menghimpunkan jutaan rakyat daripada pelbagai latar belakang profesion mahupun parti politik itu sentiasa melalui proses penambahbaikan dan penjenamaan semula selaras dengan perubahan pucuk pimpinan negeri.

Lima pasukan kini bernaung di bawah Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu (PBSNT) yang dikemudikan Menteri Besar, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar selaku presiden persatuan itu berkuatkuasa pada 7 Julai lalu.

Selain TFC I yang menjadi pasukan elit yang bertanding dalam Liga Super Malaysia, kepimpinan baharu PBSNT turut bertanggungjawab menambah baik pasukan bola sepak negeri seperti TFC II (Liga Perdana), TFC III (Piala Presiden) dan TFC V (Piala Belia) dan TFC IV (Piala KPM B-17) yang turut mencipta kejayaan dalam liga masing-masing.

Piala Cabaran 2018 yang julung kali menjadi taruhan sah milik TFC II apabila menang 2-0 (agregat 4-2) ke atas UKM FC dalam final kedua di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu pada 15 Oktober lalu.

Manakala TFC III yang tersungkur di perlawanan akhir musim lalu, berjaya menebus kekecewaan lalu apabila mengatasi Kedah 2-1 pada perlawanan akhir Piala Presiden 2018 di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras pada 30 Ogos lalu, untuk bergelar juara pertandingan B-21 kebangsaan itu.

Tidak kurang juga kehebatan pasukan pelapis TFC

IV yang menjadi naib juara Piala Belia, selepas mara ke perlawanan akhir dan berjaya dijinakkan PKNS FC dengan kelebihan jaringan 2-1, di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras pada 26 Ogos lalu.

Terengganu City FC pula dinobatkan sebagai juara Piala Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) selepas menundukkan Selangor United 2-0 pada aksi final di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras, pada 6 September lalu.

Terengganu turut meneruskan rentak kecemerlangan dalam rebutan Piala Emas Raja-Raja (PERR) Ke-78 dan layak ke final menentang skuad Pahang, namun dinafikan pasukan jiran dengan keputusan 1-0 di Stadium Majlis Perbandaran Temerloh, pada aksi 21 Oktober lalu untuk membawa pulang status naib juara.



Pasukan TFC I terpaksa akur dengan keputusan 4-1 yang memihak kepada Perak pada perlawanan final Piala Malaysia 2018.



TFC III berjaya merangkul juara apabila mengatasi Kedah 2-1 pada perlawanan akhir Piala Presiden 2018 di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras.

Pasukan Terengganu menyandang naib juara Piala Emas Raja-Raja (PERR) Ke-78 selepas tewas tipis 0-1 kepada Pahang.



Pengurusan dan pasukan TFC II meraikan kejuaraan sulung Piala Cabaran 2018 di Stadium Sultan Ismail Nasirudin Shah Kuala Terengganu.



TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA



2018: TERENGGANU CEMERLANG BOLA SEPAK PRESTASI TERBAIK

"Pencapaian bola sepak Terengganu dalam perebutan beberapa piala berprestij di negara ini sepanjang 2018 ini seakan memberi gambaran sebenar tahap kemampuan pengurusan sukan itu di peringkat negeri dan juga negara."

Muka Surat 7